

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MEI 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kongsi ilmu penerokaan teknologi	Harian Metro
2.	Industri disaran biayai penyelidikan	Utusan Malaysia
3.	Perikatan penyelidikan global wujudkan peluang global untuk PKS	BERNAMA
4.	Industri disaran biayai penyelidikan	Utusan Online
5.	Focus on leveraging technology, innovation	New Straits Times
6.	JCorp pelabur baharu ADIF pacu industri digital tempatan	Berita Harian
7.	KPM akan perkasa amali di makmal sains sekolah	BERNAMA
8.	Education Ministry to enhance practical training in school science lab	BERNAMA
9.	Elak aktiviti luar bangunan ketika ribut petir – Meteorologi	BERNAMA
10.	Perdana baharu raih anugerah MGDM	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 26
TARIKH: 4 MEI 2017 (KHAMIS)

Kongsi ilmu penerokaan teknologi

Shah Alam: Seramai 200 peserta berkongsi ilmu bersama tujuh institusi penyelidikan terkemuka dunia terdiri daripada ahli Global Research Alliance (GRA) menerusi program Exploring Technology & Innovation With GRA, semalam.

Peserta termasuk usahawan kecil dan sederhana, wakil industri, ahli akademik serta penyelidik didekahkan mengenai aspek sains, teknologi dan model inovatif menerusi program berkenaan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan **SIRIM Berhad (SIRIM)** Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, GRA dan SIRIM komited membantu industri serta usahawan kecil dan sederhana tempatan untuk melonjakkan perniagaan mereka pada masa depan.

"GRA bersama SIRIM komited untuk membantu industri serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melonjakkan produktiviti.

"Selain itu, kami juga ingin berkongsi ilmu dalam



DR Abu Bakar (tiga dari kiri) melihat kotak pembungkusan produk makanan selepas menyampaikan ucapan perasmian sempena program Exploring Technology and Innovation with GRA, semalam.

industri melalui peningkatan teknologi baru bagi memastikan perniagaan peserta sentiasa ke depan berbanding pesaing," katanya ketika berucap pada majlis itu semalam.

Program itu dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Da-

tuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Selain SIRIM yang juga salah satu ahli pengasas GRA, program itu disertai institusi luar negara seperti Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO) (Australia), Council of Scientific

and Industrial Research (CSIR) (India), Danish Technological Institute (DTI) (Denmark), Fraunhofer Gesellschaft Germany (Germany), Technical Research Centre of Finland (Finland) dan Battelle Memorial Institute USA (Amerika Syarikat).

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19 TARIKH : 4 MEI 2017 (KHAMIS)

Industri disaran biaya penyelidikan

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN
ekonomi@utusan.com.my

SHAH ALAM 3 MEI

PEMAIN industri di negara ini disaran untuk turut sama membiayai penyelidikan teknologi dan inovasi dalam memastikan negara mencapai revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0).

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, Industri 4.0 penting supaya pemain industri terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini kekal bersaing dan terus berkembang. Bagaimanapun kata beliau, pusat-pusat penyelidikan di seluruh dunia kini berhadapan dengan masalah pemotongan bajet termasuk SIRIM.

"Persaingan kini melalui teknologi dan inovasi, dan dasar menggunakan buruh asing untuk mengurangkan kos tidak lagi praktikal kerana mendatangkan keburukan dalam masa panjang."

"Atas sebab itu pentingnya industri 4.0 dan kita kini menggalakan dana swasta untuk membiayai penyelidikan bagi memastikan kita tidak ketinggalan," katanya dalam Forum Meneroka Teknologi & Inovasi di sini hari ini yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Turut hadir Presiden Global Research Alliance (GRA), Dr. Ramesh Mashelkar.

Atas sebab itu pentingnya industri 4.0 dan kita kini menggalakan dana swasta untuk membiayai penyelidikan bagi memastikan kita tidak ketinggalan

AHMAD FADZIL MOHAMAD HANI
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM



Ahli panel lain seminar tersebut ialah Naib Presiden Eksekutif Fraunhofer-Gesellschaft, Jerman, Prof. Dr. Alfred Gossner; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Danish Technological Institute (DTI) Denmark, Soren Stjernqvist; Presiden Global Research Alliance, Dr. Ramesh Mashelkar.

Pengurus International Relation VTT Technical Research Centre of Finland Ltd, Finland, Jari Uotila; Saintis Utama, International S&T Affairs Directorate Council of Scientific and Industrial Research (CSIR) India, Dr. Anuradha Madhukar; Pengurus Besar, dan Commercial Governance Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO) Australia, Laurence Street.

Mengulas tentang forum itu, Ahmad Fadzil berkata, acara itu dianjurkan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan GRA 2017 di Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 5 Mei ini yang dihoskan oleh SIRIM.

Katanya, lebih 200 usahawan PKS serta ahli akademik dari institut penyelidikan dan jabatan kerajaan didedahkan dengan ilmu teknologi dan inovasi terbaharu daripada GRA yang mempunyai akses kepada lebih 60,000 penyelidikan di seluruh dunia.

"Sebanyak tujuh institut penyelidikan terkemuka dunia yang juga ahli GRA telah berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dalam membangunkan industri PKS melalui perkem-



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua kiri) dilirongi Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani meninjau gerai pameran hasil ciptaan SIRIM di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

bangsan teknologi dan inovasi terkini.

Menurut Ahmad Fadzil, SIRIM komited untuk membantu industri dan PKS melonjakkan produktiviti dan pengetahuan mereka di dalam industri melalui teknologi baharu.

"Melalui komitmen yang diberikan oleh GRA, SIRIM akan menggerakkan kerjasama antara-bangsa bagi mendapatkan dana pembiayaan penyelidikan awam dan swasta sedia ada untuk menggerakkan inovasi teknologi global yang mampu memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia."

"Justeru, saya menggalakan peserta forum mengambil kesempatan dan memanfaatkan peluang ini dari sudut sains dan teknologi untuk bergerak ke arah pelaksanaan sebenar In-

dustri 4.0," ujarnya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, dengan situasi pasaran ketika ini, pemain industri terutamanya PKS perlu mengubah cara mereka menjalankan perniagaan dan lebih proaktif dengan melebarkan rangkaian serta kerjasama mereka.

"Seperti yang kita tahu, teknologi digital telah mengubah dunia industri dan pembuatan. Penumpuan kini diberikan kepada Internet of Things (IoT) atau Internet Saling Berhubung, automasi dan kilang pintar yang menjurus kepada Industri 4.0."

"Kementerian dan agensi kerajaan akan sentiasa membuka jalan untuk membina asas yang akan membawa negara ke arah ekonomi dipacu oleh teknologi atau Industri 4.0," ujarnya.

REAKSI



SIVABALAN
Pengarah Urusan Midas Utara Engineering Sdn Bhd



penyelidikan dan melalui forum ini ia membuka peluang untuk menjalin kerjasama ini."

M. THAVASEGARAN
Pegawai Jaringan Strategik Universiti Petronas



sebagai sebuah syarikat pengeluar mentol diod pemancar cahaya (LED), teknologi dan inovasi sangat dekat dengan kami kerana perniagaan ini pantas berubah menyebabkan kami perlu sentiasa peka dengan perubahan."

CALVIN THING
Pengurus Kilang Oversea Lighting & Electric Sdn Bhd



DARI KIRI Prof. Dr. Alfred Gossner, Soren Stjernqvist, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani, Dr. Ramesh Mashelkar (memegang mikrofon), Jari Uotila, Dr. Anuradha Madhukar dan Laurence Street semasa majlis Forum Meneroka Teknologi & Inovasi anjuran SIRIM di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH



Perikatan Penyelidikan Global Wujudkan Peluang Global Untuk PKS

SHAH ALAM, 3 Mei (Bernama) -- Tujuh institusi penyelidikan terkenal dunia yang menjadi anggota Perikatan Penyelidikan Global (GRA), telah berkongsi pengetahuan mereka dengan usahawan dan peserta industri Malaysia mengenai cara untuk memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam meningkatkan perniagaan mereka.

Kira-kira 200 peserta mengambil bahagian dalam sesi berkongsi pengetahuan bertema Meneroka Teknologi Dan Inovasi Dengan GRA anjuran SIRIM Bhd sempena mesyuarat agung tahunan ke-16 GRA di sini, hari ini.

Semasa sesi tersebut, peserta juga didedah kepada pelbagai peluang di negara anggota GRA serta model teknologi dan inovasi bagi meningkatkan keberkesanan pendekatan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia.

Dalam ucapan perasmianya, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, Malaysia sering menekankan mengenai meningkatkan produktiviti PKS melalui penambahbaikan teknologi.

Beliau menyebut program SIRIM-Fraunhofer sebagai contoh mengenai usaha kerajaan meningkatkan sumbangan sektor PKS kepada lebih 40 peratus keluaran dalam negara kasar Malaysia.

GRA adalah rangkaian antarabangsa yang terdiri daripada tujuh pertubuhan penyelidikan gunaan yang berusaha mempromosi penggunaan sains dan teknologi bagi menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi negara membangun.

Perikatan itu ditubuhkan pada 2000 di Pretoria, Afrika Selatan dengan akses kepada lebih 60,000 penyelidik dari seluruh pangkalan keanggotaannya.

-- BERNAMA

Industri disaran biaya penyelidikan



Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (dua kiri) diiringi Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani meninjau gerai pameran hasil ciptaan SIRIM di Shah Alam, semalam. Utusan/ Saharuddin Abdullah

SHAH ALAM 3 Mei - Pemain industri di negara ini disaran untuk turut sama membiayai penyelidikan teknologi dan inovasi dalam memastikan negara mencapai revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0).

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, Industri 4.0 penting supaya pemain industri terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini kekal bersaing dan terus berkembang.

Bagaimanapun kata beliau, pusat-pusat penyelidikan di seluruh dunia kini berhadapan dengan masalah pemotongan bajet termasuk SIRIM.

"Persaingan kini melalui teknologi dan inovasi, dan dasar menggunakan buruh asing untuk mengurangkan kos tidak lagi praktikal kerana mendatangkan keburukan dalam masa panjang.

"Atas sebab itu pentingnya industri 4.0 dan kita kini menggalakkan dana swasta untuk membiayai penyelidikan bagi memastikan kita tidak ketinggalan," katanya dalam Forum Meneroka Teknologi & Inovasi di sini hari ini yang telah dirasmikan oleh **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**.

Turut hadir Presiden Global Research Alliance (GRA), Dr. Ramesh Mashelkar.

Ahli panel lain seminar tersebut ialah Naib Presiden Eksekutif Fraunhofer-Gesellschaft, Jerman, Prof. Dr Alfred Gossner; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Danish Technological Institute (DTI) Denmark, Soren Stjernqvist; Presiden Global Research Alliance, Dr. Ramesh Mashelkar.

Pengurus International Relation VTT Technical Research Centre of Finland Ltd, Finland, Jari Uotila; Saintis Utama, International S&T Affairs Directorate Council of Scientific and Industrial Research (CSIR) India, Dr. Anuradha Madhukar; Pengurus Besar, dan Commercial Governance Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CISRO) Australia, Laurence Street.

Mengulas tentang forum itu, Ahmad Fadzil berkata, acara itu dianjurkan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan GRA 2017 di Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 5 Mei ini yang dihoskan oleh SIRIM.

Katanya, lebih 200 usahawan PKS serta ahli akademik dari institut penyelidikan dan jabatan kerajaan didedahkan dengan ilmu teknologi dan inovasi terbaharu daripada GRA yang mempunyai akses kepada lebih 60,000 penyelidik di seluruh dunia.

"Sebanyak tujuh institut penyelidikan terkemuka dunia yang juga ahli GRA telah berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dalam membangunkan industri PKS melalui perkembangan teknologi dan inovasi terkini.

Menurut Ahmad Fadzil, SIRIM komited untuk membantu industri dan PKS melonjakkan produktiviti dan pengetahuan mereka di dalam industri melalui teknologi baharu.

"Melalui komitmen yang diberikan oleh GRA, SIRIM akan menggerakkan kerjasama antarabangsa bagi mendapatkan dana pembiayaan penyelidikan awam dan swasta sedia ada untuk menggerakkan inovasi teknologi global yang mampu memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia.

"Justeru, saya menggalakkan peserta forum mengambil kesempatan dan memanfaatkan peluang ini dari sudut sains dan teknologi untuk bergerak ke arah pelaksanaan sebenar Industri 4.0," ujarnya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, dengan situasi pasaran ketika ini, pemain industri terutamanya PKS perlu mengubah cara mereka menjalankan perniagaan dan lebih proaktif dengan melebarkan rangkaian serta kerjasama mereka.

"Seperti yang kita tahu, teknologi digital telah mengubah dunia industri dan pembuatan. Penumpuan kini diberikan kepada Internet of Things (IoT) atau Internet Saling Berhubung, automasi dan kilang pintar yang menjurus kepada Industri 4.0.

"Kementerian dan agensi kerajaan akan sentiasa membuka jalan untuk membina asas yang akan membawa negara ke arah ekonomi dipacu oleh teknologi atau Industri 4.0," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B3
TARIKH : 4 MEI 2017 (KHAMIS)

SIRIM-GLOBAL RESEARCH ALLIANCE EVENT

Focus on leveraging technology, innovation

SHAH ALAM: Seven world-renowned research institutions, all members of the Global Research Alliance (GRA), yesterday shared their knowledge with Malaysian entrepreneurs and industry players on how to leverage technology and innovation for the betterment of their businesses.

Some 200 participants of the Exploring Technology & Innovation with Global Research Alliance programme were also exposed to opportunities in GRA member countries as well as given access to technology and innovative models to increase the effectiveness of small and medium-sized enterprise (SME) development in Malaysia, Industry 4.0 and its implications on the global business environment.

The half-day session, organised by Sirim Bhd in conjunction with GRA's 16th annual general meeting (AGM), was officiated by Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Abu Bakar said current market

conditions were forcing companies, especially SMEs, to better adapt to changes in order to survive, grow and be competitive, adding that SMEs now were expected to be proactive by expanding their networks and collaborations.

"Networking with suitable partners from industries, research institutes and universities will increase the technological potential of SMEs," he said.

Present at the session were Sirim president and group chief executive Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani and GRA president Dr Ramesh Mashelkar.

GRA is an international network of seven applied research organisations that work to promote the application of science and technology to solve issues facing developing countries. It has more than 60,000 researchers as its members.

In his welcoming speech at the forum, Fadzil said GRA, together with Sirim, were committed to assisting local industries and SMEs



Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (fourth from right) after officiating the 'Exploring Technology & Innovation with Global Research Alliance (GRA) programme', organised by Sirim in Shah Alam yesterday. With them are Sirim president and group chief executive Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani (sixth from right) and GRA president Ramesh Mashelkar (fifth from right). PIC BY MUHAMMAD SULAIMAN

improve their productivity and knowledge by embracing new technologies, in order for their businesses to stay ahead of their competitors in the long run.

"With the commitment from GRA, Sirim could further strengthen international collaborations to spur public and even

private funding available for moving global technological innovations that will benefit the Malaysian economy," he said.

The annual meeting of the alliance is hosted by the founding members on a rotational basis.

Sirim first hosted the 7th annual meeting of the GRA in

May 2008.

The 16th AGM is being held in Kuala Lumpur from yesterday until tomorrow, and brings together technology experts who will share their insights and experiences in developing SMEs via the latest technology and innovation.

JCorp pelabur baharu ADIF pacu industri digital tempatan

➔ Dana bantu Bumiputera jadi peserta serantau, global berjaya

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF), dana modal teroka korporat terbesar Malaysia, menerima Johor Corporation (JCorp) sebagai pelabur baharu bagi terus memacu industri digital tempatan.

ADIF, kerjasama antara Axiata Group Bhd (Axiata) dan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), ditubuhkan bagi menyokong matlamat kerajaan membina ekosistem digital menyeluruh untuk menampung pertumbuhan ekonomi digital.

Dana itu membantu membina keupayaan syarikat digital tempatan, khususnya Bumiputera untuk menjadi peserta serantau dan an-

tarabangsa yang berjaya.

Pada majlis memeterai perjanjian di Kuala Lumpur, semalam, JCorp mengumumkan pelaburan RM10 juta di dalam ADIF.

Capai sasaran saiz dana

Ia sebagai tambahan kepada RM50 juta dan RM20 juta yang masing-masing disuntik oleh Axiata dan MAVCAP, manakala bakinya dijana daripada pelabur prinsipal lain bagi mencapai sasaran saiz dana RM100 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata Group, Tan Sri Jamaludin Ibrahim, berkata komitmen penyertaan JCorp sebagai rakan di dalam ADIF adalah simbolik sokongan dan kepercayaan terhadap dana itu.

Katanya, sejajar matlamat men-

jadi Juara Digital Generasi Baharu, Axiata berada dalam kedudukan kukuh untuk bekerjasama dengan syarikat digital inovatif dan berpotensi tinggi bagi membantu mereka menjadi syarikat mengunggulkan dan mapan.

Selain itu, beliau berkata, sejajar dengan sasaran 'Maju Asia', Axiata memulakan dana berkenaan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat syarikat.

"Menjelang 2020, Axiata berharap dapat membangun dan membiayai sejumlah perniagaan perkhidmatan digital Bumiputera dengan sasaran akhir membina empat atau lima juara serantau.

"Melalui kejayaan awal ADIF, Axiata kini menggunakan model dana di Kemboja melalui syarikat



Jamaludin (kiri) dan Kamaruzzaman (dua dari kanan) selepas majlis memeterai perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

Info

Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF)

- ➔ **Ditubuhkan** pada akhir 2014
- ➔ **Bermatlamat** membantu syarikat permulaan digital yang sudah menjana pendapatan untuk terus berkembang dengan menyediakan dana, kepakaran serta akses pasaran
- ➔ **RM30 juta** komitmen pelaburan ADIF setakat ini
- ➔ **13 syarikat** sudah menerima pelaburan ADIF

operasi kami, Smart Axiata," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perluas keupayaan

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, syarikat akan memperluaskan keupayaannya melalui penyertaannya di dalam ADIF dan pada masa sama mewujudkan suasana kondusif kepada JCorp.

"Sebagai konglomerat dengan kepentingan dalam sektor utama ekonomi Malaysia, kami mendedah peluang untuk mengintegrasikan sebahagian penyelesaian disediakan syarikat permulaan ADIF ke dalam pelbagai aspek berkaitan perniagaan, sekali gus membentuk manfaat bersama," katanya.



KPM Akan Perkasa Amali Di Makmal Sains Sekolah

NILAI, 3 Mei (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperkasakan latihan amali di makmal sains sekolah di seluruh negara bagi membantu meningkatkan jumlah pelajar aliran sains, kata Timbalan Menteri Pendidikan II Datuk Chong Sin Woon.

Beliau berkata sehubungan itu, penambahbaikan makmal sains sedia ada di sekolah-sekolah juga akan dipertimbangkan sebelum ia dilaksanakan secara menyeluruh.

"Perkara ini memang dalam perbincangan di peringkat kementerian bahawa pendekatan amali dalam mata pelajaran sains itu perlu diperkasakan bagi meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains dengan adanya latihan amali kerana melibatkan latihan guna tangan.

"Bagaimanapun, kita sedang lihat keadaan makmal-makmal sekolah yang perlu ditambah baik atau mungkin memerlukan kelengkapan yang lebih bersesuaian dengan keadaan semasa," katanya kepada pemberita selepas majlis 'Projek Mesra Rakyat TNB' di sini, Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kebimbangan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, semalam mengenai peratusan nisbah pelajar aliran sains di sekolah menengah di seluruh negara yang semakin menurun sejak beberapa tahun lepas.

Mengulas lanjut, Chong berkata ketika ini mata pelajaran sains lebih menekankan aspek teori berbanding amali dan ia perlu dilihat semula sebagai usaha menangani penurunan penglibatan pelajar dalam aliran sains.

"Dasar bagi penyertaan pelajar dalam aliran sains memang memerlukan seramai 60 peratus pelajar sains berbanding 40 peratus pelajar bukan sains yang mana ia adalah sains, fizik dan kimia tulen tetapi ramai yang tidak minat atau mungkin ada yang merasakan ia sukar untuk mencapai pencapaian yang baik, kerana itu kita menstruktur semula subjek, kita perkenalkan STEM.

"Kita akui sejak kebelakangan ini kecenderungan pelajar dalam aliran sains memang menunjukkan penurunan kerana itu pihak kementerian sendiri memperkenalkan mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk kita perluaskan subjek yang berkaitan sains ini."

Katanya kementerian sedia maklum bahawa untuk menjadikan negara sebuah negara maju, rakyat juga perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang sains

namun dalam masa sama menggalakkan pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET).

Terdahulu pada majlis itu, Chong menyaksikan penyerahan surat hasrat bagi pembaikpulihan rumah seorang warga emas di kawasan Kuning, Mantin oleh Pengurus Besar Tenaga Nasional Bhd (TNB) Negeri Sembilan Wan Ishak Soed, melibatkan kos sebanyak RM40,000.

Projek Mesra Rakyat TNB itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat TNB.

--BERNAMA



Education Ministry To Enhance Practical Training In School Science Labs

NILAI, May 3 (Bernama) -- The Ministry of Education will enhance practical training in science laboratories in schools nationwide to help increase the number of science stream students, said Deputy Education Minister Datuk Chong Sin Woon.

He said in this regard, improvement of existing science laboratories in schools will also be considered before it is implemented.

"The matter is under discussion at the ministerial level, that practical approach in science subjects should be enhanced to boost students' interest in science as it involves hands-on training.

"However, we would like to see the state of school laboratories that need to be improved or may require more appropriate equipment," he told reporters after a TNB community project here, today.

He said this when commenting on the concerns of the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** yesterday on the declining ratio of science stream students in secondary schools nationwide over the past few years.

Earlier, Chong had witnessed the handing over of a letter of intent for the restoration of a senior citizen's house in Kuning, Mantin by Negeri Sembilan TNB's general manager Wan Ishak Soed, involving a cost of RM40,000.

--BERNAMA



Elak Aktiviti Luar Bangunan Ketika Ribut Petir - Meteorologi

Oleh Rozalina Ayob

KUALA LUMPUR, Mei (Bernama) -- Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan aktiviti di luar bangunan atau rumah ketika berlaku hujan lebat bagi mengelakkan risiko panahan petir.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi, Dr Mohd Rosaidi Che Abas berkata negara kini berada dalam fasa peralihan monsun bermula sejak pertengahan Mac lepas yang dijangka berterusan sehingga Mei ini.

"Keadaan angin lemah dari pelbagai arah serta menggalakkan pembentukan awan ribut petir dan kekerapan hujan lebat berlaku terutama di sebelah petang dan awal malam.

Situasi ini (ribut petir dan hujan) kebanyakan berlaku di kawasan di negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah, kawasan barat dan tengah Sarawak," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kekerapan hujan sehingga menyebabkan banjir kilat yang berlaku sejak kebelakangan ini di beberapa kawasan terutamanya di sekitar Lembah Klang dan beberapa kawasan di Selangor berikutan cuaca tidak menentu.

Kata beliau, negara akan mengalami Monsun Barat Daya selepas peralihan monsun dijangka berakhir menjelang minggu kedua Mei ini.

"Monsun Barat Daya dijangka berterusan sehingga September, secara relatifnya jumlah hujan turun semasa monsun ini (Barat Daya) kurang berbanding musim-musim lain," kata Dr Mohd Rosaidi.

Menurutnya, faktor kelembapan udara yang tinggi dan penumpuan angin di paras rendah selain ketidakstabilan atmosfera menggalakkan pembentukan awan ribut petir, menyebabkan situasi berkenaan itu berlaku.

Semasa peralihan monsun ini, kejadian ribut petir disertai kejadian kilat dan angin kencang kerap berlaku, katanya.

-- BERNAMA

Perdana baharu raih anugerah MGDM



RADZAIF (tengah) menerima anugerah pengiktirafan MGDM daripada Abu Bakar pada majlis yang berlangsung di Shah Alam, baru-baru ini.

PROTON Holdings Bhd (PROTON) mengumumkan Proton Perdana serba baharu menerima pengiktirafan **'Malaysia Good Design Mark' (MGDM)** daripada **Majlis Reka Bentuk Malaysia (MDC)**.

Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Ahmad Fuaad Kenali, berkata Perdana serba baharu yang dilancarkan secara rasmi pada 14 Jun tahun lalu menerima pengiktirafan itu berdasarkan reka bentuk terbaik bagi produk lengkap yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh tenaga tempatan. Beliau berkata, kejayaan itu membuktikan keupayaan PROTON dalam mereka bentuk dan menghasilkan kereta mampu milik serta berdaya saing bagi keselesaan pengguna.

"Kami sangat teruja dengan pengiktirafan daripada MDC kepada model Perdana dan ia adalah penghargaan kepada usaha berterusan dalam pembangunan kereta terbahit. "Anugerah ini tentunya menyuntik semangat kepada PROTON untuk bekerja lebih keras dalam menyediakan kereta dengan rekaan dan kejuruteraan yang lebih baik kepada pelanggan," katanya dalam kenyataan.

Anugerah itu dimenangi Perdana untuk kategori Kawasan Umum dan Produk Pengangkutan yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Radzaif Mohamed pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam, baru-baru ini.

MGDM ialah program pengiktirafan reka bentuk oleh kerajaan Malaysia di bawah MDC bagi menghargai industri tempatan yang berjaya menghasilkan produk berkualiti menerusi penyelidikan dan pembangunan(R&D). Selain Perdana, Proton Satria Neo dan Persona generasi sebelum ini turut pernah menerima anugerah MGDM pada 2007 dan 2014.

Pada 2016, Perdana juga dianugerahkan 'Best Local Car Design of the Year 2016, oleh Carsifu Editors' Choice Award di bawah The Star Media Group.

INFO

MGDM ialah program pengiktirafan reka bentuk oleh kerajaan Malaysia di bawah MDC bagi menghargai industri tempatan yang berjaya menghasilkan produk berkualiti menerusi penyelidikan dan pembangunan(R&D).

Selain Perdana, Proton Satria Neo dan Persona generasi sebelum ini turut pernah menerima anugerah MGDM pada 2007 dan 2014.

Pada 2016, Perdana juga dianugerahkan 'Best Local Car Design of the Year 2016, oleh Carsifu Editors' Choice Award di bawah The Star Media Group.